

TAHAP KEPUASAN PELAJAR KOLEJ KEDIAMAN TERHADAP KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS

Norijah Mohamed¹, Jainuddin Ngah & Ismail Raduan (PhD)
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas
norijah@ipgkik.edu.my¹

Abstrak

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meninjau tahap kepuasan dan juga masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar kolej kediaman terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK). Sampel kajian dipilih secara rawak melibatkan 143 orang pelajar yang menginap di tiga buah kolej iaitu Kolej kediaman Sentosa, Damai dan Aman. Aspek yang dikaji adalah kemudahan penginapan di kolej kediaman, perpustakaan, tempat parkir, keselamatan dan aspek pengurusan asrama juga Pengurusan IPG yang memang berkait rapat dengan keperluan pelajar yang menginap di kolej kediaman. Satu set borang soal selidik yang terdiri daripada bahagian A-maklumat demografi dan bahagian B adalah berkaitan dengan pembolehubah-pembolehubah yang dikaji bagi tujuan pengumpulan data dan maklumat. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk deskriptif di mana kaedah yang dijalankan untuk proses pengumpulan data menggunakan kaedah kuantitatif. Persampelan rawak digunakan bagi memastikan tiada bias dalam pemilihan sampel dan setiap sampel daripada populasi kajian mempunyai peluang yang sama dipilih sebagai sampel kajian. Data yang diperolehi, dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (versi 20.0). Penganalisan data menggunakan skor min dan dianalisa kepada lima kecenderungan dan didapati bahawa pelajar berasa puas hati dengan kemudahan yang disediakan di IPGKIK. Hasil analisis keseluruhan kajian mendapati skor min tertinggi adalah 3.98 tahap kepuasan yang tinggi terhadap pengurusan di kolej kediaman dan skor min terendah adalah 2.90 bagi perkhidmatan di kafeteria iaitu hanya sekadar memuaskan sahaja. Walau bagaimanapun siswa didapati bangga menjadi warga IPGKIK dengan skor min 4.27.

Kata Kunci: Tahap Kepuasan Pelajar, Kolej Kediaman, Kemudahan dan Perkhidmatan, Keselamatan, Pengurusan Kolej

Abstract

This study was conducted to explore the satisfaction level and the problems faced by college students related to the facilities and services provided by the Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. 143 college students, randomly selected took part in this study. They stayed in three residential colleges, which are Kolej Kediaman Sentosa, Kolej Kediaman Damai dan Kolej Kediaman Aman. Five aspects such as accommodation facilities, library, parking, security and hostel management were explored. A questionnaire consisting of the demographic information and related to the five aspects were administered to the college students. Data were analyzed using Statistical Package for Social Sciences (version 20.0). Mean scores of the five aspects showed that the college students were satisfied with the facilities provided. The highest mean score was (3.98), for satisfaction with management in residential college. The lowest mean score was 2.90 for the service in the cafeteria. The overall mean score was 4.27, which showed that the students were proud to be citizens Institute of Teacher Education Special Knowledge Campus.

Keywords: Students Satisfaction, College residence, Facilities and Services, Security, Management College

